

# Jam perakam: Tindakan di tangan PM

**KUALA LUMPUR,** Isnin — Tindakan disiplin terhadap menteri, timbalan menteri serta setiausaha parlimen yang enggan mematuhi sistem 'jam perakam' waktu kedatangan dan kepulangan dari pejabat akan hanya ditentukan oleh Perdana Menteri.

Demikian ditegaskan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi, di Dewan Rakyat hari ini.

Beliau menegaskan demikian sewaktu ditanya oleh Encik Lee Lam Thye (DAP-Kuala

Lumpur Bandar) apakah tindakan terhadap menteri, timbalannya serta setiausaha parlimen yang enggan mematuhi sistem berkenaan.

Dalam jawapannya kepada Encik Abdul Shukur Siraj (BN-Tanjung Karang), Datuk Abdullah berkata:

Sistem 'punch clock' telah dilaksanakan atas dasar percubaan mulai bulan Ogos/September lalu di-12 agensi di bawah empat kementerian - Jabatan Perdana Menteri; Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Perusahaan Awam dan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Percubaan juga, katanya, sedang dijalankan di bahagian pentadbiran Hospital Besar Kuala Lumpur.

Di samping itu beberapa kerajaan negeri juga telah mula menggunakannya.

Kajian penilaian sedang dibuat supaya sistem itu dapat digunakan dalam semua agensi-agensi Kerajaan Persekutuan.

Penggunaan 'punch clock' itu bertujuan menambah disiplin pegawai dan kakitangan kerajaan serta mencegah 'mencuri waktu'.

Sistem itu, tambahnya, mencatat waktu datang dan waktu pulang dengan tepat dan sebarang kelewatan atau pulang sebelum waktunya dicatat dengan tinta merah.

Dengan demikian, mudah untuk mengesan perbuatan melanggar peraturan pejabat dan apabila berlaku pegawai atau kakitangan berkenaan dikehendaki memberi penjelasan yang sewajarnya.

"Jika penjelasannya tidak memuaskan, tindakan tatatertib akan diambil," katanya.

Datuk Abdullah berkata, setakat ini sambutan daripada pegawai dan kakitangan kerajaan adalah menggalakkan dan jika ada golongan yang tidak senang dengan sistem ini mereka terdiri daripada orang-orang yang selalu suka datang lewat.

"Pada keseluruhannya mereka lebih bertanggungjawab dan menunjukkan kesedaran tentang kegunaan waktu pejabat. Mereka telah datang lebih awal dan tidak meninggalkan pejabat sebelum waktunya," katanya.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia